

26 AUG 2002

DR MAHATHIR LAWAT ANGGOTA POLIS PENGIRING KEMALANGAN

KUALA LUMPUR, 26 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melawat seorang anggota polis pengiring yang terlibat dalam kemalangan semasa mengiringi beliau ke satu majlis perkahwinan di sebuah hotel di sini, malam tadi.

Dr Mahathir meluangkan masa kira-kira 10 minit di Wad 13, Hospital Kuala Lumpur untuk bertanya khabar Lans Koperal Ibrahim Mat Hussain, 42, yang dirawat di situ.

Semasa ditemui kemudian, Ibrahim kerana perdana menteri menasihatkannya supaya banyak berehat selain memberi kata-kata perangsang.

"Saya mahu mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir di atas keprihatinan beliau," kata Ibrahim.

Ibrahim berkata kemalangan itu berlaku kira-kira 8 malam dekat Desa Waterpark apabila motosikal yang ditungganginya terbabas semasa hujan lebat.

Sementara itu, pegawai bertugas hospital itu, Dr Shahrizal Azwar Samsudin berkata Ibrahim cedera pada tulang rusuk, paru-paru serta kaki tangannya.

Ibrahim, yang diiringi isterinya Fakhriah Abdul Rauf, berada dalam keadaan stabil, katanya.

-- BERNAMA
MAM ZS NAK